



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA SEGERA **SARAWAK HARI INI MEREKODKAN ENAM (6) LAGI KES BAHARU** **POSITIF COVID-19**

1. LAPORAN HARIAN

Sarawak hari ini merekodkan **enam (6) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **403 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Kesemua 6 kes tersebut telah dirawat di Hospital Umum Sarawak. Kesemua 6 kes positif tersebut adalah dari Kuching.

Manakala, sebanyak **135 kes baharu** *.Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **3,319 kes**. Daripada jumlah itu, **2,824 kes** adalah negatif dan **92 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Pada hari ini dua (2) lagi kes positif telah sembuh iaitu di Kuching menjadikan jumlah kes yang sembuh sebanyak **57 kes** dan telah discaj dari hospital di Sarawak. Daripada 57 kes tersebut, **32 kes** dari Hospital Umum Sarawak, **13 kes** dari Hospital Sibul, **9 kes** dari Hospital Miri dan **3 kes** dari Hospital Bintulu.

Buat masa ini, sebanyak **304 kes positif** masih dirawat di Hospital Umum Sarawak dan juga di tiga *step down center* iaitu Kompleks Belia dan Sukan, Anjung Kasih Hospital Umum Sarawak dan Institut Latihan KKM di Batu 13 Kuching.

Pada hari ini terdapat **4 pesakit COVID-19** yang dirawat di Hospital Umum Sarawak masih memerlukan bantuan alat pernafasan (*ventilator*) berbanding hari sebelumnya iaitu 5 orang.

Manakala sebanyak **14 kes kematian** telah direkodkan sejak kes kematian dilaporkan pada 17 Mac yang lalu. Daripada 14 kes tersebut, **12 kes** dilaporkan di Hospital Umum Sarawak dan **2 kes** dilaporkan di Hospital Miri.

Sukacita dimaklumkan bahawa **tiada** penambahan kawasan merah di negeri Sarawak sehingga hari ini kekal 2 iaitu (Kuching dan Samarahan). Manakala terdapat 2 daerah telah bertukar daripada kawasan kuning kepada hijau iaitu Lawas dan Matu menjadikan jumlah keseluruhan daerah yang hijau adalah 26 daripada 40 buah daerah di Sarawak.

Sementara itu bagi daerah Mukah pula tiada kes baharu dilaporkan selama 33 hari dan daerah Sarikei dan Sri Aman iaitu selama 22 hari.

2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP

- a) Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **124 orang** kerana melanggar PKP dan **73 orang** telah dituduh.
- b) Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **1,011 orang** telah ditangkap dan **593 orang** telah dituduh di Mahkamah.

3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN

- a) Pada hari ini terdapat penambahan seramai **145 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung / Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **1,438 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Survelan sebagai PUS (*Person Under Surveillance*) di **16 buah hotel**. Daripada 16 hotel tersebut, **4 buah** hotel di Bahagian Kuching, **2 buah** hotel di Bahagian Bintulu, **9 buah** hotel di Bahagian Miri dan dan **sebuah** hotel di Bahagian Limbang.
- b) Terkini, terdapat **3 kes positif** yang telah dikesan selepas semua PUS mendaftar masuk ke hotel di Sarawak. Daripada 3 kes tersebut, **seorang (1)** telah dikesan di Grand Rajah Court Dormani Hotel (Kuching) dimana kes mempunyai sejarah perjalanan dari USA dalam tempoh 14 hari sebelum tiba di Sarawak dan **2 orang** telah dikesan di Miri iaitu di Eastwood Valley Resort yang mempunyai sejarah perjalanan dari Singapura dan Imperial Palace Hotel yang baru tiba dari Kuala Lumpur. Kesemua mereka telah dirawat di Hospital Umum Sarawak dan Hospital Miri.

4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI

- a) Bagi membolehkan para petani untuk menuai hasil padi mereka, maka hanya dua (2) orang sahaja **DIBENARKAN** di dalam kereta atau motosikal.
- b) Pusat Khidmat Pelanggan syarikat telekomunikasi seperti Celcom, Digi, Maxis dan U Mobile serta Wakil Sah (Dealers) mereka ditakrifkan sebagai perkhidmatan perlu (*essential service*). Premis-premis

TERPILIH sahaja, seperti yang telah dipersetujui MCMC sebelum ini, **DIBENARKAN** beroperasi sepanjang tempoh PKP. Ini bagi menyokong keperluan perkhidmatan komunikasi pengguna seperti keperluan untuk penukaran kad SIM, masalah bil dan isu rangkaian.

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh premis-premis tersebut adalah:

- i. Beroperasi pada hari Rabu dan Jumaat sahaja, dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang dengan bilangan pekerja tidak melebihi 3 orang pada setiap waktu.
 - ii. Menghadkan jumlah pelanggan pada tahap minima dengan megamalkan penjakkan sosial (*social distancing*) di dalam premis pada satu-satu masa.
 - iii. Premis WAJIB memastikan langkah-langkah saringan dan pencegahan dilaksanakan di premis demi keselamatan pekerja dan pelanggan.
- c) Berkuatkuasa pada 20 April 2020, semua rakyat Sarawak yang balik dari Semenanjung / Sabah / Labuan akan di kuarantin selama 14 hari di rumah dan akan dipantau oleh KKM. Walaubagaimanapun, bagi mereka yang tidak mempunyai rumah di mana mereka tiba (Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri) mereka akan ditempatkan di pusat Kuarantin yang telah disediakan.
- d) Semua rakyat Sarawak yang balik dari Luar Negara akan di Kuarantin di Pusat Kuarantin yang telah disediakan di mana mereka tiba.

- e) Semua rakyat Sarawak yang balik dari luar negara dan telah lengkap menjalani Kuarantin selama 14 hari di Semenanjung, mereka akan dikeluarkan arahan (*Stay Home Notice*) selama 14 hari.
- f) Semua pergerakan antara daerah dalam Sarawak dengan menggunakan (darat / udara / sungai) hendaklah mendapatkan permit daripada pihak polis sebagai dokumen sokongan sebelum mereka membuat penempahan tiket (kapal terbang / bas / bot).

5. LAIN-LAIN (TOPENG MUKA / PPE)

- a) JPBN telah menerima sejumlah 2.9 juta Topeng Muka tambahan dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan topeng muka tersebut juga akan diagihkan kepada rakyat Sarawak bersama-sama dengan sumbangan topeng muka dari Kerajaan Negeri.
- b) Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan sebanyak **RM 6.5 juta** kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan peruntukan ini telah digunakan untuk membeli pelbagai jenis alatan perlindungan diri (PPE). PPE ini telah diterima dan diagihkan di semua **36 fasiliti kesihatan** di seluruh negeri Sarawak.

BIL	ALATAN	UNIT
1	Face Shield (Disposable)	50,000
2	Medical Goggle	50,000
3	KN 95 Respirator	50,000
4	Protective Overall	50,040

5	Protective Shoes	50,040
---	------------------	--------

6. RUMUSAN

Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP **97%**. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

18 APRIL 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN**1. JUMLAH KES POSITIF DI HOSPITAL SEHINGGA 18.04.2020.**

BIL	HOSPITAL	MASUK HOSPITAL	WARD BIASA	WARD ICU	DISCAJ	KEMATIAN
1	Hospital Umum Sarawak	336	287	6	32	12 *Mati di rumah
2	Hospital Sibu	29	15	1	13	0
3	Hospital Bintulu	9	6	0	3	0
4	Hospital Miri	28	17	0	9	2
JUMLAH		403*	325	7	57	14

2. STATISTIK KES PUI BAHARU MENGIKUT DAERAH SEHINGGA 18.04.2020.

BIL	DAERAH	JUMLAH
1	Kuching	89
2	Miri	17
3	Serian	9
4	Samarahan	6
5	Betong	6

6	Bau	4
7	Lundu	1
8	Simunjan	1
9	Lubok Antu	1
10	Bintulu	1
JUMLAH		135

3. PEMATUHAN PKP

Berikut adalah kes Tangkapan Harian mengikut Daerah (sehingga 18.04.2020 @ 8.00 pagi).

BIL	DAERAH	JUMLAH ORANG
1	Kuching	30
2	Kota Samarahan	19
3	Sarikei	13
4	Padawan	11
5	Miri	8
6	Bintulu	8
7	Sibu	7
8	Serian	6
9	Sri Aman	5
10	Meradong	5
11	Simunjan	4
12	Bau	2
13	Betong	2
14	Limbang	2
15	Tatau	1

16	Mukah	1
JUMLAH KESELURUHAN		124

4. MAKLUMAT *SURVEILLANCE CENTER* DI HOTEL

(Data sehingga 18.04.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching	Hock Lee	115
2		Rajah Court Dormani	83
3		Kuching Park	78
4		Pullman	255
5	Miri	Mega	112
6		Somerset	45
7		Ostay Inn	19
8		Cosy Inn	48
9		Imperial Palace	144
10		Eastwood Resort	24
11		Imperial	134
12		Kingwood	26
13		Paragon	19
14	Limbang	Purnama	88
15	Bintulu	Wasan Inn	16
16		Park City Everly	232
Jumlah PUS			1,438

5. OPERASI PBT DAN NYAHCEMAR

- a) Seramai 870 kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan tugas semasa PKP dan terdapat 54,610 premis perniagaan dilesen oleh PBT di seluruh negeri Sarawak.
- b) Pada hari ini, sebanyak **17 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	88
2	Miri	58
3	Sarikei	19
4	Limbang	17
5	Bintulu	17
6	Samarahan	16
7	Sri Aman	10
8	Betong	6
9	Sibu	4
10	Kapit	2
11	Serian	1
Jumlah		238

- c) Secara kumulatif, berikut adalah agensi yang terlibat dalam operasi nyahcemar sehingga 18 April 2020.

BIL	AGENSI	BILANGAN PETUGAS
------------	---------------	-----------------------------

1	JBPM	1,837
2	PBT	1,018
3	KKM	398
4	APM	202
5	RELA	139
6	PDRM	110
7	Pejabat Daerah	35
8	Lain-Lain	78
Jumlah		3,817